



SIARAN MEDIA

LIBAT URUS BERTERUSAN MELALUI BUKU KPKT @YOURPARLIAMENT – DOKUMEN DATA PRODUK DAN PERKHIDMATAN KPKT DAN RINGKASAN EKSEKUTIF RANCANGAN FIZIKAL NEGARA KE-4

KUALA LUMPUR, 24 MAC 2022 – Yang Berhormat Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengumumkan penerbitan buku KPKT @YourParliament dan Ringkasan Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4) yang akan diedarkan kepada 220 Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat.

KPKT @YourParliament merupakan satu inisiatif Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk libat urus (*engagement*) dan perkongsian data serta maklumat berkaitan produk serta perkhidmatan di semua kawasan Parlimen manakala buku RFN4 pula diterbitkan berdasarkan peruntukan subseksyen 6B (1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara Kali ke-39 yang telah diadakan pada 21 Oktober 2021. Buku RFN4 tersebut telahpun dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 17 November 2021 yang lepas sempena Sambutan 100 Tahun Hari Perancang Bandar Malaysia.

Buku KPKT @YourParliament menyediakan hampir 10,656 data-data kolektif produk dan penyampaian perkhidmatan KPKT dan seluruh Jabatan/ Agensi di bawahnya di setiap kawasan Parlimen seluruh Negara. Penghasilan dokumen ini adalah berdasarkan data terkini pada 31 Disember 2021 yang merangkumi semua 6 Kluster di bawah KPKT. Enam kluster tersebut adalah:

- i) Perumahan;
- ii) Kerajaan Tempatan;
- iii) Pembangunan Bandar Hijau dan Mampan;

- iv) Pengurusan Sisa Pepejal;
- v) Bomba dan Penyelamatan; dan
- vi) Komuniti dan Kesejahteraan Bandar

RFN pula merupakan satu pelan perancangan pembangunan negara yang menterjemah dan menyelaraskan dasar-dasar pembangunan ekonomi, sosial dan sektoral lain ke dalam dimensi fizikal dan spatial. Dasar yang terkandung di dalam RFN akan diterjemah di peringkat perancangan wilayah/negeri melalui rancangan struktur negeri dan rancangan pembangunan koridor ekonomi. Dasar ini juga boleh diterjemahkan di peringkat perancangan tempatan melalui rancangan tempatan/rancangan kawasan khas yang disediakan.

Menurut YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib, "Penerbitan ini dapat menjadi dokumen bermanfaat berkaitan kawasan Parlimen masing-masing dalam merealisasikan Aspirasi Malaysia Berdaya Huni." Tambah beliau, kedua-dua buku ini diharapkan dapat menjadi sumber panduan kepada semua pemegang taruh yang terlibat dalam menentukan program intervensi, perancangan aktiviti dan sesi libat urus yang bersesuaian di peringkat Parlimen.

Buku KPKT @YourParliament dan Ringkasan Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4) telah diedarkan kepada semua Ahli Yang Berhormat sebelum akhir Sidang Dewan Rakyat sesi ini.

Sidang media turut dihadiri oleh YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT, barisan Pengurusan Tertinggi serta pegawai-pegawai kanan Kementerian, Jabatan dan Agensi di bawah KPKT.

#KPKTPrihatin #PasukanKPKT

#BekerjaBersamaRakyat #KeluargaMalaysia

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1.Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
 b.p. Ketua Setiausaha
 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
 Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my